



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

## KOPERKASA Serah Zakat kepada PERYATIM Miri dan bakal buka cawangan Perkasa Ar-Rahnu di Miri



Pengerusi KOPERKASA, Fathi Bin Haji Hambali (berbaju coklat) menyerahkan cek cura kepada wakil PERYATIM Miri, Samsiah Sanai Tahir sambil disaksikan oleh Anggota Lembaga dan Perwakilan Kawasan 3

Ahad, 19 Februari 2023 – Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad menyerahkan sumbangan zakat kepada Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Sarawak (PERYATIM) Miri pada hari Sabtu, 18 Februari 2023.

Penyerahan cek sumbangan zakat telah disempurnakan oleh Fathi Bin Haji Hambali, Pengerusi KOPERKASA kepada wakil PERYATIM Miri iaitu Samsiah Sanai Tahir dalam Majlis Taklimat Bersama Anggota Perwakilan Kawasan 3 yang diadakan di Hotel Dynasty Miri.

Fathi berkata, sumbangan tersebut adalah bertujuan untuk tabung pendidikan anak-anak yatim di Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup di Taman Desa Indah 3, Miri.

Menurut beliau, sumbangan zakat juga diagihkan kepada PERYATIM Kuching dan Sibul.

Beliau juga memaklumkan bahawa sumbangan ini adalah tanggungjawab sosial korporat dan merupakan aktiviti berterusan KOPERKASA.

Beliau juga menambah, sumbangan tersebut menunjukkan keprihatinan KOPERKASA terhadap golongan yang memerlukan.



Dalam pada masa yang sama, Fathi juga memaklumkan bahawa pejabat KOPERKASA cawangan Miri yang terletak di Pusat Komersil Boulevard kini sedang giat dalam proses ubah suai termasuk pembinaan ruang kedai baharu untuk perniagaan Perkasa Ar-Rahnu.

Perniagaan Perkasa Ar-Rahnu yang kini dijalankan di Kuching, bakal dibuka di Miri khas untuk kemudahan anggota KOPERKASA dan juga terbuka kepada penduduk di kawasan setempat.

Pejabat baharu cawangan Miri dan kedai Perkasa Ar-Rahnu dijangka mula beroperasi dalam bulan Mei 2023.

Selain Fathi, Majlis Taklimat Bersama Anggota Perwakilan Kawasan 3 tersebut turut dihadiri oleh Othman Bin Bujang (Setiausaha KOPERKASA), Raden Amri Bin Raden Othman (Anggota Lembaga), Richard Engan Ang (Anggota Lembaga), Mohdzar Bin Aman (Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman) serta para perwakilan dari Kawasan 3.

Gambar-gambar semasa majlis:







Gambar-gambar ubah suai Pejabat Koperasi Cawangan Miri:



